

# Media arus perdana perlu berubah untuk terus kekal relevan

Neil Chan DE 4.12.2018 2

KOTA KINABALU: Wartawan veteran, Datuk A. Kadir Jasin, mengaitkan kemenangan Pakatan Harapan pada pilihan raya umum lepas dengan pengaruh media sosial dan media atas talian bebas.

Kadir, yang juga penasihat khas kepada perdana menteri mengenai media dan komunikasi, berkata rakyat Malaysia sudah lama kehilangan kepercayaan kepada media arus perdana.

"Ini adalah kerana media arus perdana telah menjadi ekstrim dalam politik berat sebelah mereka. PH, bagaimanapun, berjaya mengatasi itu (kurang akses kepada media arus perdana) dan meraih kelebihan daripada media sosial."

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas merasmikan dialog bertajuk "Isu-Isu dan Cabaran dalam Komunikasi Strategik dalam Malaysia Era Baharu" di Universiti Malaysia Sabah, Isnin.

Kadir berkata media arus perdana di negara ini, bagaimanapun, perlu berubah untuk terus kekal relevan.

Beliau menegaskan bahawa sekalipun ketika media arus perdana menyokong kerajaan BN, mereka sudah tidak menunjukkan prestasi yang baik.

"Mereka (media arus perdana) tidak mencatat rekod jualan yang baik.

Sekarang memandangkan kerajaan BN telahpun tewas, jika mereka tidak mengubah dasar mereka, tiada siapa yang menyokong kerajaan baharu akan membaca mereka.

"Saya rasa pembaca mereka sendiri pun meninggalkan mereka. Ramai pembaca mereka dikaitkan dengan bekas kerajaan sebelum ini dan mereka sekarang tidak lagi membaca akhbar-akhbar itu.

"Mungkin sebabnya ialah mereka tidak suka berita-berita yang dilaporkan sekarang atau mereka sudah kalah dan merasakan mereka tidak lagi kisah untuk mengetahui apa-apa.

"(Jadi) jika mereka (media arus perdana) tidak berubah, saya fikir mereka akan menderita. Jadi mereka perlu berubah. Dan saya fikir kita memberi mereka peluang untuk melakukannya."

Kadir, bagaimanapun, berkata beliau merasa media cetak masih lagi "sangat penting" meskipun dengan pertumbuhan platform media atas talian dalam negara ini.

"Saya fikir kita perlu ada kawalan dalam hidup kita. Kita tidak harus bemarkan diri kita dikawal sepenuhnya oleh teknologi.

"Membaca masih lagi sangat penting. Kita boleh baca e-buku, akhbar atas talian

atau berita daripada portal tapi saya rasa membaca bahan bercetak, sama ada akhbar atau buku masih lagi penting kerana ia memberikan kita rujukan arkib."

Beliau menambah, mereka yang hanya membaca berita atas talian, khususnya di media sosial atau kumpulan sembang WhatsApp, mungkin tidak mendapat gambaran penuh mengenai persekitaran sosial di sekeliling mereka.

"Kita masih perlukan editor untuk memilih berita yang rakyat perlu baca.

"Masalahnya timbul apabila rakyat menolak akhbar disebabkan laporan politik yang tidak selari dengan pendapat mereka tetapi ingat bahawa akhbar juga memaparkan kandungan menarik yang lain.

"Jadi janganlah kita menolak akhbar hanya kerana kita tidak berminat dalam politik atau tidak sukakan kandungan tertentu."

Kadir juga mengeluh bahawa media di negara ini belum memanfaatkan sepenuhnya kebebasan mereka di bawah Malaysia baharu untuk melaporkan berita.

Beliau menggesa wartawan untuk memastikan mereka termaklum, berani dan menyoal jika mereka silap.

"Wartawan tidak boleh hanya menden-

gar apa orang lain katakan khususnya oleh ahli politik dan tidak melakukan penyelidikan sendiri. Dengan itu saja, kita tidak tahu sama ada apa yang mereka katakan itu adalah betul atau tidak.

"Tugas seorang wartawan, khususnya sekarang dengan kebebasan lebih luas, adalah mendalami laporan berita, melakukan penyelidikan dan analisa, justeru saya menggesa mereka untuk membuat laporan mereka tetapi juga melakukan penyelidikan sendiri (mengenai topik itu)," katanya.

Beliau menambah, kerajaan akan menggunakan semua saluran media yang mungkin untuk mencapai rakyat, namun menekankan perbezaan antara maklumat dan propaganda.

"Tentu saja kerajaan akan menggunakan semua media yang ada untuk menyampaikan pesannya.

"Tetapi propaganda adalah perkara berbeza sama sekali. Ia bukan lagi mengenai menyiarkan berita atau maklumat kerana kamu melakukan sesuatu yang lebih daripada itu untuk memperdaya rakyat. Saya fikir kita tidak akan lakukan perkara itu."

Hadir sama, dekan Fakulti Kemanusiaan, Seni dan Warisan UMS Prof Dr Ismail Ibrahim dan presiden Persatuan Wartawan Sabah Muguntan Vanar.